

31/08/2002

Kemampuan wanita diiktiraf setanding lelaki

Fadzlena Jafar

SATU ketika dulu, wanita begitu sinonim dengan kerja-kerja rumah tangga semata-mata seperti memasak, mengemas dan menjaga anak terutama ketika zaman sebelum negara mencapai kemerdekaan, biarpun pada dasarnya ketika itu sudah wujud kelompok wanita bijak pandai yang berjaya dalam pendidikan seperti Cikgu Zainon atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain, Tan Sri Aishah Ghani dan Datuk Asiah Abu Samah (sekadar menyebut beberapa nama).

Mereka inilah antara segelintir wanita yang berani bangkit membantu usaha beberapa pemimpin Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Bukan sedikit pengorbanan yang dilakukan. Dan bukan sedikit air mata yang dititiskan dalam perjuangan mereka itu.

Pada masa itu, perjuangan wanita Malaysia (Tanah Melayu ketika itu) lebih tertumpu kepada usaha membebaskan tanah air tercinta daripada cengkaman penjajah selain menyatupadukan rakyat bagi tujuan yang sama.

Namun hari ini, era selepas merdeka dan kehadiran zaman globalisasi yang diketahui umum perjuangan dan fokus wanita Malaysia sudah berubah.

Jika sebelum merdeka kewujudan wanita tidak begitu ketara kecuali lebih tertumpu kepada menyokong usaha mencapai kemerdekaan, tetapi selepas merdeka jelas kelihatan berlakunya emansipasi wanita, iaitu mereka sudah mula bangun untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan lelaki.

Wanita kini bukan sekadar mengisi kekosongan dalam peluang pekerjaan yang begitu banyak ditawarkan apabila pembangunan negara semakin berkembang. Sebaliknya mereka bersama-sama menggembleng tenaga dan menyumbang kepakaran bagi membangunkan negara.

Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan wanita hari ini sudah mampu berbangga kerana ramai yang sudah keluar dari kepompong yang membelenggu pemikiran mereka selama ini.

Selepas tanggal 31 Ogos 1957, kita lihat satu demi satu kemunculan beberapa nama wanita yang mula menonjol. Wanita pertama menjadi menteri, doktor, jurutera, pemandu kapal terbang, pakar bedah, arkitek dan banyak lagi bukan lagi sesuatu yang asing. Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sendiri adalah antara wanita pertama yang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan dan menjawat jawatan doktor di Malaysia.

Hari ini, bukan sedikit jumlah wanita yang terbabit dalam bidang profesional. Malah, boleh dikatakan setiap sektor termasuk bidang yang satu ketika dulu dianggap tidak sesuai untuk wanita seperti kejuruteraan bukan lagi asing bagi wanita.

Nama-nama seperti Datuk Seri Rafidah Aziz, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Dr Zaha Rina Zahari dan Prof Datuk Dr Mazlan Othman (sekadar menyebut beberapa nama) adalah tonggak kepada bidang tertentu yang dulunya lazim dimonopoli oleh lelaki. Mereka berwibawa, cukup dihormati dan pakar dalam bidang masing-masing. Malah ada antaranya yang berjaya mengharumkan nama negara di mata dunia.

Siapa yang tidak kenal dengan Rafidah, wanita pertama diangkat sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. Kebijaksanaan dan kepetahannya bukan saja dikagumi di negara ini, bahkan cukup dihormati di peringkat antarabangsa.

Begitu juga dengan Prof Mazlan, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Kebangsaan (NSA). Beliau adalah rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengarah Pejabat Hal Ehwat Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sekali gus satu pengiktirafan kepada Malaysia bahawa negara kerdil ini juga mempunyai kepakaran dalam bidang sains angkasa yang sejak sekian lama

dikuasai Barat.

Kira-kira dua tahun lalu, Dr Zeti dilantik memegang jawatan penting sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia. Pelantikannya itu mendapat liputan luas media berikutan itulah kali pertama seorang wanita dipilih menerajui Bank Negara.

Sejak akhir-akhir ini, nama Dr Zaha Rina sering disebut-sebut. Perlantikannya sebagai Ketua Pegawai Operasi MDEX diperhatikan pelbagai pihak yang ingin melihat sejauh mana kemampuan wanita jelita ini membawa MDEX ke peringkat yang diharapkan.

Selain mereka, ada ramai lagi wanita yang berjaya membuktikan kepakaran dan kebolehan mereka juga setanding dan tidak boleh dipandang remeh.

Dianggarkan hari ini lebih sepertiga daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia adalah wanita, satu peningkatan drastik berbanding 45 tahun sebelum kemerdekaan. Sumber Jabatan Buruh menunjukkan sebanyak 34.5 peratus guna tenaga di Malaysia adalah wanita. Begitupun, jumlah itu tidak mengambil kira wanita yang berniaga sendiri sama ada membuka perniagaan masing-masing ataupun secara kecil-kecilan.

Jika dilihat sekitar kita, rata-rata penjual di gerai atau pemilik kedai adalah wanita yang berusaha untuk menambah sumber pendapatan keluarga. Sumbangan mereka walaupun kecil tidak boleh dinafikan kerana mereka juga menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.

Sebenarnya, secara sedar atau tidak tugas wanita kini jauh berbeza berbanding sebelum merdeka. Malah fokus perjuangan yang menjadi pegangan wanita juga sudah banyak berubah.

Antara perjuangan yang menjadi tumpuan kini ialah menuntut hak kesamarataan gender. Kemunculan pelbagai pertubuhan wanita seperti NCWO yang ditubuhkan pada 25 Ogos 1963, WIM, Awam dan banyak lagi bertujuan untuk melakukan perubahan besar dalam sejarah pencapaian wanita negara.

Sedikit demi sedikit kedudukan wanita dipertingkatkan dan pengiktirafan terhadap tugas perkongsian bersama wanita mula diterima masyarakat.

Bermula dengan usaha memberi gaji yang sama, menentukan taraf wanita dalam perkahwinan, penceraian, hinggalah kepada isu perundangan berkaitan sara hidup, hak penjagaan anak, pembahagian harta dan banyak lagi, memberi kesan besar kepada wanita hari ini.

Kemudian pada 1997, Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) di Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Sosial ketika itu, sudah melaksanakan satu Pelan Tindakan Wanita Di Dalam Pembangunan, untuk memperbaiki taraf wanita di negara ini.

Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 2000 yang diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jelas menunjukkan pencapaian wanita hari ini semakin diiktiraf.

Walaupun baru setahun jagung, kementerian yang diterajui Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil itu lantang melaungkan pelbagai isu membabitkan permasalahan wanita hari ini.

Antara usul yang diberi tumpuan ialah sasaran 30 peratus wanita sebagai penggubal dasar dan penentu keputusan dalam kerajaan serta penyatu paduan wanita dalam pelbagai perkara seperti gangguan dan serangan seksual.

Kementerian itu juga berusaha untuk membantu wanita dalam setiap bidang termasuk keusahawanan bagi memajukan diri mereka. Namun, segala usaha berkenaan tidak akan berjaya jika hanya pihak tertentu saja yang memperjuangkannya tanpa pembabitan wanita secara keseluruhan.

Kini, walaupun perjuangan wanita masih jauh lagi tetapi harapan dan cita-cita bukan sekadar tinggal impian kerana dengan usaha yang bersungguh-sungguh pasti satu hari nanti ia menjadi kenyataan.